

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
LEMBAGA KEMAJUAN TANAH PERSEKUTUAN (FELDA)  
KUALA LUMPUR

Oleh

ROSNANI BINTI MAHMUD

Sarjana Muda Pengurusan (Polisi Dan Sekretaran Sosial)

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Jabatan Ekologi Sosial

Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia

(KUSTEM)

2005

1100045482



LI 75 FPE 1 2005



1100045482  
Laporan akhir latihan industri di Lembaga Kemajuan Tanah  
Persekutuan (FELDA), Kuala Lumpur / Rosnani Mahmud.

**PERPUSTAKAAN**

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

**1100045482**

1100045482		

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI  
DI LEMBAGA KEMAJUAN TANAH  
PERSEKUTUAN (FELDA)  
KUALA LUMPUR**

**OLEH**

**ROSNANI BINTI MAHMUD  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

**Laporan Latihan Diserahkan Kepada**

**Jabatan Ekologi Sosial  
Fakulti Pengurusan Ekonomi  
Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia**


**2005**

**:**

## **PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN**

Dengan ini saya ROSNANI BINTI MAHMUD mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

**Disediakan Oleh:**




---

**Nama: Rosnani Mahmud**

**No. Matrik: UK 8426**

**Tarikh: 19 November 2005**

**Disahkan Oleh:**



---

**Penyelia KUSTEM**

**Nama: Pn. Roslina Ismail**

**b/p Pengerusi Latihan Industri**

**Fakulti Pengurusan Dan Ekonomi**

**KUSTEM**

## **DEDIKASI**

Dngan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Untuk ayah dan bonda tercinta yang telah banyak memberi sokongan, bimbingan dan nasihat semasa saya menjalankan Latihan Industri. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seeperjuangan dan rakan-rakan praktikal dari UiTM, UPM, USM dan UM yang banyak membantu serta memberi tunjuk ajar dalam memberi maklumat untuk menyiapkan laporan Latihan Industri ini. Seterusnya kakitangan FELDA khususnya dari Jabatan Sumber Manusia dan Jabatan Pembangunan Usahawan dan amnya Ibu Pejabat FELDA Kuala Lumpur yang banyak memberi kerjasama, bimbingan serta nasihat dalam melaksanakan tugas yang diberikan. Segala tanggungjawab yang diberikan dilaksanakan sebaik mungkin dengan bantuan dan kerjasama mereka. Terima kasih kepada mereka semua di atas usaha dan komitmen yang diberikan. Sesungguhnya jasa baik kalian semua akan dikenang hingga akhir hayat.

## **PENGHARGAAN**

Deangan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang

Bersyukur saya ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya saya dapat menyiapkan laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 di FELDA, Ibu Pejabat Kuala Lumpur pada masa yang telah ditetapkan.

Penghargaan ini juga saya tujukan kepada penyelia KUSTEM, Puan Roslina Ismail yang banyak memberi dorongan, sokongan serta bimbingan dalam menjalani latihan atau pun ketika membuat laporan ini.

Kesempatan ini juga saya ucapkan kepada penyelia Industri saya, Encik Shahrizan Dollah Hashim, pegawai di Jabatan Sumber Manusia dan Puan Norhayati binti Sarif, Penolong Pengarah di Jabatan Pembangunan Usahawan serta Penolong Pengarah di Jabatan Sumber Manusia, Encik Manap bin Amat di atas bimbingan dan tunjuk ajar yang diberikan sepanjang 12 minggu bekerja di FELDA.

Jutaan terima kasih kepada ibu bapa yang banyak memberi bantuan dari segi dorongan semangat sepanjang menjalankan latihan di FELDA ini.

Sekian. Terima Kasih.

## **RINGKASAN EKSEKUTIF**

Latihan Industri dibuat adalah bagi memenuhi syarat universiti dalam sesuatu kursus yang telah diambil. Jadi, saya telah menjalankan latihan di tempat yang saya pilih iaitu FELDA, Ibu Pejabat FELDA Kuala Lumpur selama 12 minggu dari 21 Mac hingga 11 Jun 2005. Selain itu, Latihan Industri ini bertujuan mendedahkan pelatih kepada alam pekerjaan sebenar yang bakal ditempuh apabila habis tempoh bergraduat nanti.

Selain itu, Latihan industri ini mendapatkan pengalaman sebagai pekerja serta memahami tugas-tugas serta peraturan di dalam sesebuah organisasi dan mengamalkan teori yang dipelajari di alam universiti dengan □rofess alam pekerjaan dalam sesuatu organisasi.

Latihan Industri juga dapat menjalin atau mengekalkan hubungan dengan alam □rofessional dalam bidang masing-masing contohnya kerani dan para pegawai atasan dan pelatih melihat sejauh mana praktik komunikasi dengan para pegawai, pekerja serta pelanggan yang membuat urusan di FELDA ini.

Di samping itu, mendedahkan diri bagi memahami nilai etika dalam sesebuah organisasi dan bidang masing-masing dan amat berguna dijadikan panduan apabila bekerja nanti.